



laman web LHDN  
<http://www.hasilnet.org.my>

Lembaga Hasil Dalam Negeri,  
Tingkat 10, Blok 9, Kompleks Bangunan Kerajaan  
Jalan Duta, 50600 Kuala Lumpur, Malaysia

# Taksiran Sendiri

## Panduan Percukaian Bagi Koperasi

# *Self Assessment*

## *A Guide For Co-Operative Societies*



[www.hasilnet.org.my](http://www.hasilnet.org.my)

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

*Memberi Khidmat*

MESRA, MEMBANTU, MEMUASKAN

# **TAKSIRAN SENDIRI**

## **PANDUAN PERCUKAIAN BAGI KOPERASI**



## Kata Pendahuluan

Sistem Taksir Sendiri (STS) bagi koperasi akan dilaksanakan mulai Tahun 2004. Ianya bukan cukai baru tetapi satu sistem di mana koperasi diberi tanggungjawab untuk mengira tanggungan cukainya sendiri. Selaras dengan pelaksanaan STS, koperasi perlu memahami peranannya di bawah sistem tersebut. Buku ini bertujuan untuk memberi maklumat percukaian koperasi di bawah STS. Di samping itu, ia juga memberi penjelasan tentang layanan cukai terhadap pendapatan yang layak dikenakan cukai serta perbelanjaan/potongan yang boleh dibenarkan dalam pengiraan pendapatan bercukai koperasi.

Kandungan buku ini adalah sebagai panduan sahaja dan ianya menerangkan kedudukan semasa disediakan.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI, MALAYSIA  
BAHAGIAN KHIDMAT KORPORAT  
OKTOBER 2003

© Hakcipta Terpelihara



# KANDUNGAN

Muka  
surat

## BAHAGIAN 1: AM

1.1	Takrif Koperasi	7
1.2	Pengenaan Cukai	7
1.3	Pengecualian Cukai	8

## BAHAGIAN 2: PERCUKAIAN KOPERASI DI BAWAH SISTEM TAKSIR SENDIRI

2.1	Anggaran Cukai	9
2.2	Bayaran Cukai	10
2.3	Taksiran Cukai	14
2.4	Penyimpanan Rekod	16

## BAHAGIAN 3: LAYANAN CUKAI

3.1	Pendapatan Yang Boleh Dikenakan Cukai	17
3.2	Perbelanjaan Dibenarkan	18
3.3	Potongan Khusus Di Bawah Seksyen 65A, ACP 1967	18
3.4	Pengiraan Pendapatan Bercukai	19
3.5	Kadar Cukai Pendapatan	20



# PANDUAN PERCUKAIAN BAGI KOPERASI

## BAHAGIAN 1 AM

### 1.1 Takrif Koperasi

Akta Koperasi 1993 (Akta 502) merupakan undang-undang yang diguna pakai oleh Jabatan Pembangunan Koperasi Malaysia untuk membuat peruntukan bagi penubuhan, pendaftaran, pengawalan dan pengawalseliaan koperasi-koperasi; untuk menggalakkan perkembangan koperasi-koperasi; dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Pengertian ringkas yang diberikan untuk koperasi ialah sebuah pertubuhan sosio-ekonomi yang didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993 dengan matlamat untuk meningkatkan kepentingan ekonomi anggota-anggotanya melalui aktiviti-aktiviti koperasi.

Manakala, bagi tujuan percukaian, takrif koperasi dinyatakan dalam Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967 sebagai koperasi yang didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berkaitan dengan koperasi di Malaysia. Dalam konteks ini, undang-undang yang dimaksudkan ialah Akta Koperasi 1993 (Akta 502).

Sesebuah koperasi yang memenuhi syarat takrif tersebut adalah sah sebagai 'koperasi' bagi maksud cukai pendapatan dan akan diberi layanan cukai seperti yang ditetapkan di bawah kuasa-kuasa tertentu dalam ACP 1967.

### 1.2 Pengenaan Cukai

Seperti syarikat, koperasi juga merupakan sebuah entiti yang layak ditaksir dan dikenakan cukai. Bagi koperasi, taksiran adalah dibangkitkan atas nama koperasi.



### 1.3 Pengecualian Cukai\*

Mulai dari Tahun Taksiran 1977, Perenggan 12, Jadual 6, ACP 1967 telah dipinda di mana pendapatan sesebuah koperasi adalah dikecualikan dari cukai pendapatan seperti berikut:

- ❖ bagi tempoh 5 tahun bermula dari tarikh pendaftaran koperasi tersebut; dan
- ❖ selepas 5 tahun tamat, jika kumpulan wang ahli pada hari pertama tempoh asas bagi sesuatu tahun taksiran adalah kurang daripada RM500,000. (Jumlah ini telah dipinda kepada RM750,000 mulai Tahun Taksiran 1997).

Bagi maksud yang tersebut di atas, '**kumpulan wang ahli**' merujuk kepada jumlah:

- (a) Modal berbayar (berhubung dengan saham, yuran, dan tidak termasuk saham bonus yang diterbitkan dari rezab modal yang diwujudkan daripada penilaian semula aset-aset tetap);
- (b) Kumpulan wang rezab berkanun;
- (c) Rezab seperti rezab umum, rezab modal, peruntukan untuk cukai, dividen, faedah atas yuran (selain daripada rezab modal yang diwujudkan daripada penilaian semula aset dan peruntukan susutnilai, pembaharuan atau penggantian dan susutan dalam nilai aset).
- (d) Baki akaun premium saham (tidak termasuk jumlah yang dikreditkan semasa saham bonus diterbitkan pada kadar premium daripada rezab modal yang diwujudkan daripada penilaian semula aset-aset tetap); dan
- (e) Baki akaun pengasingan untung dan rugi.

#### *Nota*

**\*Penamatan Pengecualian** - Peruntukan Seksyen 127A, ACP 1967 menjelaskan bahawa mana-mana orang (termasuk koperasi) yang dikecualikan daripada bayaran cukai pendapatan di bawah Ordinan Cukai Pendapatan 1947 yang dimansuhkan akan dikenakan cukai berkuatuksa mulai Tahun Taksiran 2001.

## BAHAGIAN 2 PERCUKAIAN KOPERASI DI BAWAH SISTEM TAKSIR SENDIRI (STS)

Sistem Taksir Sendiri (STS) akan dilaksanakan untuk koperasi mulai tahun 2004. Di bawah STS, koperasi dikehendaki:

- (a) mengemukakan anggaran cukai;
- (b) membuat bayaran secara ansuran;
- (c) menentukan cukai kena dibayar;
- (d) mengemukakan Borang Cukai Pendapatan (Borang C1) kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN); dan
- (e) membayar baki cukai (iaitu cukai sebenar setelah ditolak bayaran ansuran (jika ada)).

### 2.1 Anggaran Cukai

#### ❖ Mengemukakan Anggaran Cukai

Anggaran cukai yang kena dibayar perlu dikemukakan dengan menggunakan Borang CP 204 tidak lewat daripada **30 hari sebelum bermulanya tempoh asas** bagi sesuatu tahun taksiran. Bagi koperasi baru, anggaran cukai perlu dikemukakan tidak lewat daripada 3 bulan selepas koperasi mula beroperasi.

CP 204 yang lengkap diisi perlu dihantar ke alamat seperti berikut:

Lembaga Hasil Dalam Negeri  
Pusat Pemprosesan  
Tingkat 2, Blok 8A  
Kompleks Pejabat Kerajaan  
Jalan Duta, Karung Berkunci 11055  
50990 Kuala Lumpur.

## ❖ Asas Anggaran

Anggaran cukai yang kena dibayar bagi sesuatu tahun taksiran hendaklah tidak kurang daripada anggaran cukai dipinda bagi tahun taksiran sebelum atau anggaran cukai asal jika tiada anggaran cukai dipinda dikemukakan.

Terdapat peruntukan khusus bagi Tahun Taksiran 2004 di mana anggaran cukai yang kena dibayar tidak boleh kurang daripada jumlah cukai yang kena dibayar bagi Tahun Taksiran 2002 atau 2001 (jika cukai kena dibayar bagi Tahun Taksiran 2002 belum lagi ditentukan).

Contoh:

Anggaran cukai kena dibayar oleh Koperasi ABC bagi Tahun Taksiran 2004 adalah seperti berikut:

Anggaran Asal	=	RM120,000
Anggaran Dipinda	=	RM240,000

*Anggaran cukai kena dibayar bagi Tahun Taksiran 2005 tidak boleh kurang daripada RM240,000.*

## ❖ Pindaan Anggaran

Koperasi boleh memohon untuk membuat pindaan ke atas anggaran cukai yang kena dibayar **dalam bulan ke 6 atau bulan ke 9, atau kedua-dua bulan berkenaan dalam tempoh asas** sesuatu tahun taksiran.

## 2.2 Bayaran Cukai

### ❖ Bayaran Ansuran

Anggaran cukai hendaklah dibayar secara ansuran yang sama banyak mulai **bulan ke 2 dalam tempoh asas**.

Bilangan ansuran adalah bersamaan dengan bilangan bulan dalam tempoh asas. Bagi koperasi baru, ansuran hendaklah dimulakan dalam **bulan ke 6 dalam tempoh asas**. Ansuran bulanan ini hendaklah dijelaskan selewat-lewatnya pada **10 haribulan** bulan berkenaan.

Contoh:

Tahun Taksiran 2004  
Koperasi DEF menutup akaun pada 31/12/2004.  
Tempoh asas: 1/1/2004 - 31/12/2004.  
Anggaran cukai kena dibayar: RM120,000

*Borang CP 204 mesti dikemukakan selewat-lewatnya pada 1/12/2003.*

*Ansuran bulanan:  $120,000/12 = RM10,000$*

*Bayaran ansuran: Bermula dari bulan Februari 2004 hingga Januari 2005.*

#### ❖ **Denda Berkaitan Bayaran Ansuran**

Denda dalam bentuk kenaikan cukai akan dikenakan jika:

- Koperasi gagal membuat bayaran ansuran sepenuhnya dalam tempoh ditetapkan.
- Koperasi mengemukakan anggaran cukai yang terlalu rendah. Formula pengenaan denda adalah seperti berikut:

Kenaikan cukai =  $[(CS - AC) - (30\% \times CS)] \times 10\%$

Di mana CS: Cukai sebenar yang kena dibayar

AC: Anggaran cukai dipinda atau anggaran cukai asal (jika tiada anggaran cukai dipinda dikemukakan).

Contoh:

Anggaran cukai asal:	RM100,000
Anggaran cukai dipinda:	RM130,000
Cukai Sebenar:	RM200,000

*Kenaikan cukai*

$$= [(200,000 - 130,000) - (30\% \times 200,000)] \times 10\%$$
$$= RM1,000$$

### ❖ Cara Bayaran

Setiap bayaran perlu disertakan dengan Slip Pengiriman Bayaran (CP 207) yang dihantar kepada koperasi. Bayaran boleh dibuat secara berikut:

- **Pos** - Cek/draf bank boleh dihantar ke LHDN di alamat berikut. Cek perlu dipalang dan dibayar kepada “KETUA PENGARAH HASIL DALAM NEGERI”. Catatkan nama dan nombor rujukan cukai pendapatan koperasi di belakang cek/draf bank. ***Jangan hantar wang tunai melalui pos.***

#### **Semenanjung Malaysia**

Lembaga Hasil Dalam Negeri, Malaysia  
Cawangan Pungutan  
Karung Berkunci 11061  
50990 Kuala Lumpur.

### **Sabah**

Lembaga Hasil Dalam Negeri, Malaysia  
Cawangan Pungutan  
Blok E, Bangunan KWSP  
Jalan Karamuning  
88600 Kota Kinabalu.

### **Sarawak**

Lembaga Hasil Dalam Negeri, Malaysia  
Cawangan Pungutan  
Aras 3, 6, 7, 8 & 15  
Wisma Ting Pek Khiing  
No. 1, Jalan Padungan  
93600 Kuching.

- **Kaunter Bayaran LHDN** - Bayaran boleh dibuat di kaunter bayaran LHDN seperti berikut:

### **Semenanjung Malaysia**

Tingkat Bawah, Blok 8A  
Kompleks Pejabat Kerajaan  
Jalan Duta  
Kuala Lumpur.

### **Sabah**

Tingkat Bawah  
Wisma Bandaraya  
Jalan Masjid Lama  
Kota Kinabalu.

## Sarawak

Aras 3, Wisma Ting Pek Khiing  
No. 1, Jalan Padungan  
Kuching.

- **Bank** - Bayaran boleh dibuat di semua cawangan bank/institusi kewangan yang disenaraikan di bawah:

Bumiputra-Commerce Bank Bhd.  
Public Bank Bhd.  
Public Finance Bhd.

### 2.3 Taksiran Cukai

Mulai Tahun Taksiran 2004, koperasi perlu membuat taksiran sendiri dan menentukan cukai yang kena dibayar serta melaporkannya kepada LHDN di dalam borang yang ditetapkan iaitu Borang C1. Nota Penerangan turut disediakan bagi membantu koperasi dalam urusan pengisian Borang C1.

#### ❖ Pengemukakan Borang C1

Borang C1 perlu dikemukakan kepada LHDN dalam tempoh **7 bulan selepas tarikh penutupan akaun**. Koperasi diingatkan supaya mengisi Borang C1 dengan lengkap sebelum mengemukakannya kepada LHDN.

#### ❖ Notis Taksiran

Notis Taksiran cukai tidak akan dikeluarkan kepada koperasi yang telah mengemukakan Borang C1 yang lengkap dalam tempoh yang ditetapkan. Ketua Pengarah dianggap telah membangkitkan taksiran pada hari Borang C1 dikemukakan ke LHDN dan borang tersebut juga dianggap sebagai notis taksiran.

Contoh:

Koperasi XYZ menutup akaunnya pada 31/12/2004 dan mengemukakan Borang C1 bagi Tahun Taksiran 2004 pada 31/7/2005.

*Notis Taksiran bagi Tahun Taksiran 2004 dianggap telah dibangkitkan dan diserahkan pada 31/7/2005.*

#### ❖ **Bayaran Baki Cukai**

Apabila cukai sebenar bagi sesuatu tahun taksiran telah ditentukan, baki cukai iaitu cukai sebenar setelah ditolak bayaran ansuran (jika ada) hendaklah dibayar tidak lewat daripada **hari terakhir bulan ke 7** selepas tarikh akaun ditutup.

Contoh:

Tahun Taksiran 2004  
Koperasi DEF menutup akaun pada 31/12/2004.  
Jumlah bayaran ansuran yang telah dibayar dari Februari 2004 - Januari 2005 = RM120,000  
Jumlah cukai yang kena dibayar seperti pengiraan pada Borang C1 = RM128,000  
*Bayaran baki cukai sebanyak RM8,000 (RM128,000 – 120,000) mesti dibayar selewat-lewatnya pada 31/7/2005.*



## 2.4 Penyimpanan Rekod

Setiap koperasi perlu menyimpan rekod-rekod dan buku-buku akaun yang teratur dan lengkap. Semua maklumat yang dilaporkan dalam Borang C1 mestilah disokong dengan rekod/dokumen yang berkaitan. Rekod-rekod dan buku-buku akaun perlu disimpan untuk tempoh 7 tahun dari akhir tahun kalendar di mana pendapatan itu dikaitkan.

Penyimpanan rekod yang lengkap dan teratur akan dapat memudahkan proses audit luar yang akan dilakukan oleh LHDN ke atas koperasi yang terpilih. Maklumat lanjut mengenai penyimpanan rekod boleh diperolehi dari Buku Panduan bertajuk:

*Taksiran Sendiri - Panduan Penyimpanan Rekod Bagi Perneragaan.*

Buku panduan tersebut boleh diperolehi secara percuma dari semua cawangan LHDN.

## BAHAGIAN 3 LAYANAN CUKAI

Kini, pelbagai aktiviti dijalankan oleh koperasi termasuk menceburi bidang perniagaan seperti:

- ❖ Kredit;
- ❖ Pengguna;
- ❖ Perumahan;
- ❖ Pembangunan tanah;
- ❖ Perindustrian;
- ❖ Perbankan; dan
- ❖ Insuran.

### 3.1 Pendapatan Yang Boleh Dikenakan Cukai

Pendapatan yang biasa diterima oleh koperasi adalah seperti berikut:

- ❖ Keuntungan dari perniagaan
- ❖ Faedah
- ❖ Dividen
- ❖ Sewa

Pendapatan yang diterima adalah dikenakan cukai sebagaimana pendapatan yang diterima oleh syarikat, tetapi faedah yang diterima oleh koperasi dari pinjaman-pinjaman yang diberi (pinjaman perumahan kepada ahli dan pinjaman kepada staf) dan yuran masuk ahli dikenakan cukai sebagai pendapatan perniagaan.

### 3.2 Perbelanjaan Dibenarkan

Mengikut prinsip am percukaian, semua perbelanjaan yang dilakukan dalam menghasilkan pendapatan dibenarkan sebagai potongan dalam pengiraan pendapatan larasan koperasi. Perbelanjaan persendirian dan berbentuk modal adalah tidak dibenarkan.

### 3.3 Potongan Khusus di bawah Seksyen 65A, ACP 1967

Selain daripada potongan cukai biasa, terdapat potongan lain yang diperuntukkan khusus bagi koperasi. Potongan khusus ini adalah diberikan di bawah Seksyen 65A, ACP 1967 di mana potongan-potongan berikut adalah dibenarkan dari jumlah pendapatan koperasi:


- ❖ Jumlah yang dipindah atau dibayar dalam tempoh asas kepada:
  - (a) kumpulan wang rezab berkanun, atau
  - (b) mana-mana institusi pendidikan atau pertubuhan koperasi yang diwujudkan untuk menjayakan prinsip-prinsip koperasi atau kedua-duanya, atau
  - (c) Tabung Amanah Pendidikan Koperasi.

**Syarat:** Jumlah maksimum yang boleh ditolak adalah tidak melebihi 25% daripada untung bersih yang diaudit.

- ❖ Jumlah sebanyak 8%\* daripada kumpulan wang ahli pada hari pertama dalam tempoh asas sesuatu tahun taksiran. (\*mulai Tahun Taksiran 1995)

### 3.4 Pengiraan Pendapatan Bercukai

Langkah-langkah pengiraan pendapatan bercukai bagi koperasi adalah seperti berikut:



### 3.5 Kadar Cukai Pendapatan (Mulai Tahun Taksiran 2002)

Pendapatan Bercukai (RM)	Kadar (%)	Cukai (RM)
Di atas yang pertama 20,000	0	
Di atas yang berikut <u>10,000</u>	3	<u>300</u>
Di atas yang pertama 30,000		300
Di atas yang berikut <u>10,000</u>	6	<u>600</u>
Di atas yang pertama 40,000		900
Di atas yang berikut <u>10,000</u>	9	<u>900</u>
Di atas yang pertama 50,000		1,800
Di atas yang berikut <u>25,000</u>	12	<u>3,000</u>
Di atas yang pertama 75,000		4,800
Di atas yang berikut <u>25,000</u>	16	<u>4,000</u>
Di atas yang pertama 100,000		8,800
Di atas yang berikut <u>50,000</u>	20	<u>10,000</u>
Di atas yang pertama 150,000		18,800
Di atas yang berikut <u>100,000</u>	23	<u>23,000</u>
Di atas yang pertama 250,000		41,800
Di atas yang berikut <u>250,000</u>	26	<u>65,000</u>
Di atas yang pertama 500,000		106,800
500,001 dan ke atas	28	

# **SELF ASSESSMENT**

**A GUIDE FOR CO-OPERATIVE SOCIETIES**



## Foreword

The implementation of Self Assessment for co-operative societies will begin in Year 2004. It is not a new tax but a system whereby a co-operative society is given the responsibility to compute its own tax liability. In line with the implementation of the Self Assessment System (SAS), co-operative societies need to know their roles under the system. This booklet is intended to provide information on the taxation of co-operative societies under the SAS. In addition, it also provides explanation on the tax treatment on income taxable together with expenses/deductions allowable in the computation of the co-operative society's chargeable income.

The contents of this booklet are intended as a guide and reflect the tax position at the time of writing.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI, MALAYSIA  
CORPORATE SERVICES DIVISION  
OCTOBER 2003

© Copyright Reserved





# CONTENTS

Page

## PART 1: GENERAL

1.1	Definition of Co-operative Society	27
1.2	Tax Chargeability	27
1.3	Tax Exemption	28

## PART 2: TAXATION OF CO-OPERATIVE SOCIETY UNDER THE SELF ASSESSMENT SYSTEM

2.1	Estimate of Tax	29
2.2	Payment of Tax	31
2.3	Tax Assessment	35
2.4	Record Keeping	36

## PART 3: TAX TREATMENT

3.1	Taxable Income	37
3.2	Allowable Expenses	38
3.3	Specific Deduction under Section 65A, ITA 1967	38
3.4	Computation of Chargeable Income	39
3.5	Income Tax Rates	40



# A TAX GUIDE FOR CO-OPERATIVE SOCIETIES

## PART 1 GENERAL

### 1.1 Definition of Co-operative Society

The Co-operative Society Act 1993 (Act 502), an act used by the Department of Co-operative Development Malaysia to make provisions for the constitution, registration, control and regulation of co-operative societies, to promote the development of co-operative societies and for matters connected therewith. A brief definition given to a co-operative society is a social economic establishment registered under the Co-operative Society Act 1993 with the intention to upgrade the economic interest of its members through the co-operative society's activities.

On the other hand, for the purpose of taxation, the co-operative society is defined in the Income Tax Act (ITA) 1967 as a co-operative society registered under any written laws related to the co-operative society in Malaysia. In this context, the related law refers to the Co-operative Society Act 1993 (Act 502).

A co-operative society fulfilling the above mentioned definition is a valid co-operative society for the purpose of taxation and will be given tax treatment as prescribed under the specific powers in the ITA 1967.

### 1.2 Tax Chargeability

As in the case of companies, a co-operative society is also an entity that is assessable and chargeable to tax. For a co-operative society, the assessment is raised in the name of the co-operative society.

### 1.3 Tax Exemption\*

Beginning from Year of Assessment 1977, Paragraph 12, Schedule 6, ITA 1967 has been amended whereby the income of a co-operative society will be exempted from income tax as mentioned below:

- ❖ for a period of 5 years commencing from the date of registration of the co-operative society; and
- ❖ thereafter where the members' funds of the co-operative society as at the first day of the basis period for the year of assessment is less than RM500,000. (Beginning from Year of Assessment 1997, this amount has been amended to RM750,000).

The above mentioned “**members' fund**” refers to the aggregate of:

- (a) Paid up capital (in respect of shares, subscriptions and not including bonus shares issued out of capital reserve which was created by revaluation of fixed assets);
- (b) Statutory reserve fund;
- (c) Reserves such as general reserve, capital reserve, provisions for tax, dividend, interest on subscriptions (other than capital reserve which was created by revaluation of fixed assets and provisions for depreciation, renewals or replacements and diminution in value of assets).
- (d) Balance of share premium account (not including any amount credited therein at the instance of issuing of bonus shares at premium out of capital reserve created by revaluation of fixed assets); and
- (e) Balance of profit and loss appropriation account.

*Note*

*\*Cessation of Exemption - Provision of Section 127A, ITA 1967 clearly states that any person that was exempted from payment of income tax under the repealed Income Tax Ordinance 1947 (The Ordinance) will be taxed with effect from Year of Assessment 2001.*

## PART 2 TAXATION OF CO-OPERATIVE SOCIETY UNDER THE SELF ASSESSMENT SYSTEM (SAS)

The implementation of Self Assessment for co-operative society will begin in year 2004. Under the SAS, a co-operative society is required to:

- (a) furnish tax estimate;
- (b) make instalment payment;
- (c) determine the tax payable;
- (d) furnish the Income Tax Form (Form C1) to the Inland Revenue Board (IRB); and
- (e) make final payment (i.e. actual tax after deducting instalment payment, if any).

### 2.1 Estimate of Tax

#### ❖ Furnishing Tax Estimate

An estimate of tax payable must be furnished using Form CP 204 not later than **30 days before the beginning of the basis period** for a year of assessment. For a new co-operative society, the estimate of tax payable must be furnished within 3 months from the date of commencement of operation.

Upon completion of the Form CP 204, it should be sent back to the following address:

Inland Revenue Board  
Processing Centre  
2nd Floor, Block 8A  
Government Offices Complex  
Jalan Duta, Locked Bag 11055  
50990 Kuala Lumpur.

### ❖ **Basis of Estimate**

The estimate of tax payable for a year of assessment should not be less than the revised estimate of tax to be paid for the immediate preceding year of assessment or the original estimate in the case where no revised estimate has been submitted.

Notwithstanding the above, it is specifically provided that the estimate of tax payable for Year of Assessment 2004 shall not be less than the tax payable for Year of Assessment 2002 or 2001 (if the tax payable for Year of Assessment 2002 has not yet been determined).

Example:

ABC Co-operative's estimate of tax payable for Year of Assessment 2004 is as follows:

Original Estimate = RM120,000  
Revised Estimate = RM240,000

*The estimate of tax payable for Year of Assessment 2005 must not be less than RM 240,000.*

## ❖ Revised Estimate

A co-operative society may apply to revise its estimate of tax payable **in the 6th month or the 9th month, or in both months of the basis period** for a year of assessment.

## 2.2 Payment of Tax

### ❖ Instalment Payment

The tax estimate must be paid in equal monthly instalments commencing from the **2nd month in the basis period**. The number of instalments is equal to the number of months in the basis period. For a new co-operative society, instalment payment must commence in the **6th month in the basis period**. These monthly instalments must be paid not later than the **10th** day of the following month.

Example:

Year of Assessment 2004  
DEF Co-operative closes its accounts on 31/12/2004.  
Basis Period: 1/1/2004 - 31/12/2004.  
Estimate of tax payable: RM120,000

*The Form CP 204 must be furnished not later than 1/12/2003.*

*Monthly instalment:  $120,000/12 = RM10,000$*

*Instalment payment: Commencing from February 2004 until January 2005.*

### ❖ Penalty Relating to Instalment Payment

Penalty in the form of increased tax will be imposed if:

- The co-operative society fails to fully pay up the instalment payment within the stipulated time.



- The co-operative society underestimates very much its estimate of tax. The formula for imposition of penalty is as follows:

$$\text{Increased in Tax} = [(\text{AT}-\text{ET}) - (30\% \times \text{AT})] \times 10\%$$

Where AT: Actual Tax Payable

ET: Revised estimate or original estimate (if no revised estimate is furnished).

Example:

Original Tax Estimate:	RM100,000
Revised tax estimate:	RM130,000
Actual Tax:	RM200,000

*Increased in tax*

$$= [(200,000 - 130,000) - (30\% \times 200,000)] \times 10\% \\ = \text{RM } 1,000$$

## ❖ Methods of Payment

All payments of tax must be accompanied with the Remittance Slips (CP 207) sent to the co-operative societies. Payment can be made in the following manner:

- **By Post** - Payment by cheques/bank drafts can be sent to the respective addresses mentioned below. All cheques must be crossed and made payable to "THE DIRECTOR GENERAL OF INLAND REVENUE". The name of the co-operative society, and the tax reference number must be written on the reverse side of the cheque. ***Do not send cash through the mail.***

### **Peninsular Malaysia**

Inland Revenue Board of Malaysia  
Cawangan Pungutan  
Karung Berkunci 11061  
50990 Kuala Lumpur.

### **Sabah**

Inland Revenue Board of Malaysia  
Cawangan Pungutan  
Blok E, Bangunan KWSP  
Jalan Karamuning  
88600 Kota Kinabalu.

### **Sarawak**

Inland Revenue Board of Malaysia  
Cawangan Pungutan  
Aras 3, 6, 7, 8 & 15  
Wisma Ting Pek Khiing  
No. 1, Jalan Padungan  
93600 Kuching.

- **IRB Payment Counter** - Payment can be made at the following IRB payment counters:

### **Peninsular Malaysia**

Tingkat Bawah, Blok 8A  
Kompleks Pejabat Kerajaan  
Jalan Duta  
Kuala Lumpur.

### **Sabah**

Tingkat Bawah  
Wisma Bandaraya  
Jalan Masjid Lama  
Kota Kinabalu.

### **Sarawak**

Aras 3, Wisma Ting Pek Khiing  
No. 1, Jalan Padungan  
Kuching.

- **Bank** - Payment can be made at any of the branches of the bank/financial institution listed below:

Bumiputra-Commerce Bank Bhd.  
Public Bank Bhd.  
Public Finance Bhd.

## 2.3 Tax Assessment

Beginning with the Year of Assessment 2004, co-operative societies are required to determine their tax payable and declare in the prescribed form i.e. Form C1 to be furnished to IRB. Explanatory notes will be provided to assist co-operative societies in completing the Form C1.

### ❖ **Furnishing Form C1**

Form C1 must be furnished to IRB within **7 months after the close of its accounting period**. Co-operative societies are reminded to complete the Form C1 before furnishing it back to the IRB.

### ❖ **Notice of Assessment**

Notices of Assessment will not be issued to co-operative societies that complied with the furnishing of a complete Form C1 within the stipulated time. The Director General is deemed to have made an assessment on the day the Form C1 was furnished and the form is deemed to be a notice of assessment.

Example:

XYZ Co-operative closes its accounts on 31/12/2004 and furnishes Form C1 for Year of Assessment 2004 on 31/7/2005.

*The Notice of Assessment for Year of Assessment 2004 is deemed to have been raised and served on 31/7/2005.*

## ❖ Final Payment of Tax

Upon determining the actual tax payable for a year of assessment, the balance of tax i.e. the actual tax payable less instalment payment (if any) must be paid not later than **the last day of the 7th month** after the closing of the accounting period.

Example:

Year of Assessment 2004  
DEF Co-operative closes its accounts on 31/12/2004.  
Total instalment payment made from  
February 2004 - January 2005 = RM120,000  
Total tax payable as computed in Form C1  
= RM128,000  
*Balance of tax amounting to RM 8,000  
(RM128,000 -120,000) must be paid not later than  
31/7/2005.*

## 2.4 Record Keeping

Proper and complete records and books of accounts must be kept by all co-operative societies. All information declared in Form C1 must be substantiated by the relevant records/documents. Records and books of accounts must be kept for 7 years from the end of the calendar year to which any income relates.

Proper and sufficient records kept will facilitate field audits conducted by IRB on selected cases. Additional information on record keeping can be obtained from the Guide Book mentioned below:

*Self Assessment - A Guide to Record Keeping For Business.*

The above mentioned guide book can be obtained free from all IRB branches.

## PART 3 TAX TREATMENT

Currently, activities carried out by co-operative societies vary which include venturing into the following businesses such as:

- ❖ Credit;
- ❖ Consumer;
- ❖ Housing;
- ❖ Land Development;
- ❖ Industrial;
- ❖ Banking; and
- ❖ Insurance.

### 3.1 Taxable Income

The common income received by a co-operative society are as follows:

- ❖ Business profit
- ❖ Interest
- ❖ Dividend
- ❖ Rental

Income received will be taxed as in the case of income received by a company, but the interest received by the co-operative society from loans given (housing loans given to members and loans to staff) and membership entrance fee will be taxed as business income.

### 3.2 Allowable Expenses

According to the general principle of taxation, all expenses incurred in the production of income can be allowed as deductions in computing the adjusted income for the co-operative society. Personal expenses and capital in nature are not allowable.

### 3.3 Special Deduction under Section 65A, ITA 1967

In addition to the normal tax deductions, there is a special deduction specifically given to co-operative societies. This special deduction is given specifically under Section 65A, ITA 1967 whereby the following are allowable deductions against the total income of the co-operative society:


- ❖ An amount that has been transferred or paid during the basis period to the:
  - (a) statutory reserve fund, or
  - (b) any educational institution or co-operative organisation established for the furtherance of co-operative principles or to both, or
  - (c) Co-operative Education Trust Fund.

**Condition:** The maximum sum to be deducted shall not exceed 25% of the audited net profits.

- ❖ An amount equal to 8%\* of the members' funds as at the first day of the basis period for the year of assessment. (\*with effect from Year of Assessment 1995)

### 3.4 Computation of Chargeable Income

The steps involved in computing the chargeable income for co-operative societies are as follows:





### 3.5 Income Tax Rates (Year of Assessment 2002 onwards)

Chargeable Income (RM)	Rate (%)	Tax (RM)
On the first <u>20,000</u>	0	0
On the next <u>10,000</u>	3	<u>300</u>
On the first <u>30,000</u>		300
On the next <u>10,000</u>	6	<u>600</u>
On the first <u>40,000</u>		900
On the next <u>10,000</u>	9	<u>900</u>
On the first <u>50,000</u>		1,800
On the next <u>25,000</u>	12	<u>3,000</u>
On the first <u>75,000</u>		4,800
On the next <u>25,000</u>	16	<u>4,000</u>
On the first <u>100,000</u>		8,800
On the next <u>50,000</u>	20	<u>10,000</u>
On the first <u>150,000</u>		18,800
On the next <u>100,000</u>	23	<u>23,000</u>
On the first <u>250,000</u>		41,800
On the next <u>250,000</u>	26	<u>65,000</u>
On the first <u>500,000</u>		106,800
500,001 and above	28	